



31 DEC, 2021

MOSTI guna imej satelit MYSA

Harakah, Malaysia



MOSTI guna imej satelit MYSA

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

PAYA BESAR: Banjir besar luar jangka yang berlaku di beberapa buah negeri seluruh negara khususnya di Selangor dan Pahang, bukan sahaja memusnahkan harta benda malah, turut mengorbankan lebih 41 nyawa yang terkorban.

Sehubungan itu, PAS telah mengerahkan seluruh jentera sukarelawan seperti Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia (JAM), Pemuda dan Muslimat PAS, Ameerah serta Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

PAS Terengganu, melalui Khidmat Malaysia telah mengerahkan Misi Bantuan Banjir ke Pahang bermula 23 hingga 25 Disember lalu dan kumpulan keduanya, 28 hingga 30 Disember ini. Kumpulan pertama itu melibat PAS Kawasan Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman seramai lebih 500 orang. Manakala, kumpulan kedua melibat PAS Kawasan Besut, Setiu, Kuala Nerus dan Marang.

Majlis pelancaran misi bantuan itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO negeri, Ustaz Wan Sukairi Wan Abdullah, yang juga Ketua Khidmat Malaysia Kuala Terengganu. Harakah dimaklumkan, tiga tugas utama misi bantuan itu pertama, menggerakkan program Dapur Rakyat. Kedua, agihan barangan keperluan penduduk dan ketiga, pasca pembersihan rumah atau premis kediaman yang ditenggelami air banjir lumpur, baru-baru ini. Pada hari ketiga, 25 Disember lalu seawal jam 8.00

pagi, Ahli Parlimen Kuala Terengganu, YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim bersama Misi Bantuan Banjir di Pahang anjuran Khidmat Malaysia Kuala Terengganu dan beliau tiba daripada Putrajaya bersama rombongan.

Taklimat Operasi Bantuan disampaikan oleh Pengarah Program Misi Bantuan Banjir itu, Ustaz Ashraf di Markaz PAS Balai Purnama, Kampung Chendering, Kuantan. Seramai hampir 300 petugas sukarelawan dari kawasan Kuala Terengganu 'berkampung' di daerah Kuantan yang dilanda banjir besar kali ini.

YB Datuk Ahmad Amzad yang juga Timbalan Menteri MOSTI, turut menyampaikan sedikit titipan taujihatnya bagi membakar semangat para petugas PAS yang terdiri dari anggota parti, Jabatan Amal, kumpulan NGO serta para pemuda PAS.

Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Kuala Terengganu telah mengagihkan sumbangan sebanyak RM 100,000.00 bagi menjayakan misi bantuan banjir di Pahang. Misi bantuan

itu melibatkan kawasan-kawasan banjir di sekitar Taman Pandan Indah, Taman Damai Indah dan Taman Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Pandan, Kuantan.

Selepas itu, kira-kira jam 8.30 pagi YB Datuk Amzad mengadakan lawatannya ke Pusat Operasi Banjir di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panching, Permatang Badak, Kuantan. YB Datuk sempat bersama para petugas menyediakan bungkusan untuk diagihkan kepada mangsa banjir.

Sekitar jam 10.30 pagi, aktiviti Misi Bantuan Banjir diteruskan dan beliau bersama Pesuruhjaya PAS Pahang, Ustaz Rosli Abdul Jabar yang juga ADUN Tanjung Lumpur, turun ke Taman Pandan Indah dan Taman Damai Indah bersama mengagihkan bantuan barangan dapur serta makanan.

YB Datuk Amzad turut bertanya khabar dan melihat kesan langsung banjir yang dialami oleh penduduk berkenaan. Pelbagai cerita disampaikan oleh mereka yang menghadapi detik-detik



Dato' Ahmad Amzad mengagihkan bantuan.

cemas apabila rumah dinaiki air banjir luar jangka itu.

Ketika mentari terik di kepala, peluh jantan mula menitik. YB Datuk Amzad masih lagi meneruskan kerja-kerja menyantuni warga penduduk di Taman Perumahan Pandan Indah dengan agihan nasi tengahari. Ketika itu, warga penghuninya sedang membersihkan kotoran lumpur banjir selepas mereka pulang ke rumah masing-masing.

Datuk Amzad yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) secara berterusan akan menyediakan imej satelit di kawasan-kawasan yang dilanda banjir di seluruh negara.

Katanya, menerusi penyaluran maklumat dan analisis imej-imej satelit secara atas talian itu membolehkan diakses oleh agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan banjir negara.

"Sistem atas talian yang

dimaksudkan ialah Sistem Maklumat dan Logistik Banjir berteraskan Teknologi Angkasa, Sistem Maklumat Geografi, Sistem Penitududukan Global dan ICT, yang telah dibangun serta dioperasikan dengan usahasama Pusat Kawalan Bencana Negara di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara," ujarnya kepada Harakah.

Selain itu, katanya antara tindakan lain yang diambil MYSA termasuklah menyediakan imej satelit sebelum dan selepas bencana bagi tujuan perancangan, pemantauan dan mitigasi serta memberi analisis pasca bencana (*post disaster*) bagi kawasan terlibat menerusi analisis terperinci dengan mengenalpasti kerosakan.

Selain imej satelit, kata Datuk Amzad pasukan dron khas MYSA juga turut digerakkan untuk memantau kawasan banjir dan mengumpulkan maklumat serta imej dengan kebenaran.

Sekitar jam 12.00 tenga-

hari pula, program terakhir beliau adalah Pasca Pembersihan Rumah Penduduk di Taman PAKR Pandan yang sebelum ini di tenggelami air banjir luar jangka, serta kesan lumpur yang banyak.

Ahli Jawatankuasa Kerja (AJK) PAS Pusat itu menyertai para sukarelawan yang terdiri daripada anggota JAM Terengganu, Pemuda dan Muslimat PAS serta kumpulan NGOs yang menyertai misi itu seramai 260 orang daripada PAS Kawasan Kuala Terengganu sahaja.

Sekitar jam 6.00 petang, operasi pembersihan selesai dan semua peserta rombongan Misi Bantuan Banjir ke Pahang ini berkumpul semula sebelum pulang ke Terengganu secara berkonvoi, yang melibatkan kenderaan seperti 30 buah pacuan empat roda 4x4, lori serta kereta. Selepas ini, kumpulan kedua misi itu akan 'berkampung' pula di daerah Temerloh, kawasan yang agak teruk dilanda banjir, baru-baru ini.



Seorang anak muda menerima bantuan.



31 DEC, 2021

MOSTI guna imej satelit MYSA

Harakah, Malaysia



Beratur menyerahkan barangan keperluan kepada mangsa banjir.



31 DEC, 2021

MOSTI guna imej satelit MYSA

Harakah, Malaysia



SUMMARIES

PAYA BESAR: Banjir besar luar jangka yang berlaku di beberapa buah negeri seluruh negara khususnya di Selangor dan Pahang, bukan sahaja memusnahkan harta benda malah, turut mengorbankan lebih 41 nyawa yang terkorban. Sehubungan itu, PAS telah mengerahkan seluruh jentera sukarelawan seperti Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia (JAM), Pemuda dan Muslimat PAS, Ameerah serta Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).